

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, Vol 7, Bil 1, Halaman 19-37

KEPERLUAN MODEL PENGAJARAN ILMU TAWJIH AL-QIRAAT DI INSTITUSI PENGAJIAN QIRAAT MALAYSIA: SATU SOROTAN AWAL

The Need for a Teaching Model of Tawjih al-Qiraat in Malaysian Qiraat Study Institutions: A Preliminary Highlight

**Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan^{1*}, Khairatul Akmar Ab Latif,¹ &
Mohamad Rofian Ismail¹, Mardhiah Yahaya²**

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

* Corresponding Author: Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, 43000, Malaysia, mrsyafee@uis.edu.my, 013-9917262.

Artikel dihantar: 15 April 2024

Artikel diterima: 11 Jun 2024

Artikel diterbit: 29 Jun 2024

ABSTRACT

Teachers play an important role in imparting knowledge of tawjih al-qiraat in the teaching of qiraat in qiraat learning institutions (IPT) Malaysia. In addition to mastering the knowledge of tawjih al-qiraat, teachers also need to know the techniques and methods in conveying this knowledge so that the significance of teaching can be achieved according to the proposed objectives. However, the highlights of the study show that tawjih al-qiraat instructors are less able to implement techniques and methods during the implementation of the teaching of tawjih al-qiraat at IPT due to the lack of a specific teaching framework for this subject. Indeed, this study was carried out to identify the need for developing a framework for teaching the knowledge of tawjih al-qiraat in Malaysian IPT. The design of this study is a survey study through a qualitative approach by interviewing three teachers who are involved in the teaching of tawjih al-qiraat at Malaysian IPT. The interview data was transcribed and analyzed using Nvivo 12 software and organized based on the formation of categories and themes. The findings of the study show that there is a need to develop a teaching model of tawjih al-qiraat in Malaysian IPT so that the implementation process of teaching tawjih al-qiraat can be implemented in the best possible way. It is hoped that this study will be a pioneer for studies related to the teaching of tawjih al-qiraat in Malaysian qiraat institutions in the future.

Keywords

Model, Teaching, Knowledge of tawjih al-qiraat, Institute of reading qiraat



ABSTRAK

Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu tawjih al-qiraat dalam pengajaran qiraat di institusi pengajian qiraat (IPT) Malaysia. Di samping penguasaan terhadap ilmu tawjih al-qiraat, tenaga pengajar juga perlu mengetahui teknik dan kaedah dalam menyampaikan ilmu ini agar signifikan pengajaran dapat dicapai mengikut objektif yang dicadangkan. Namun sorotan kajian menunjukkan tenaga pengajar tawjih al-qiraat kurang berupaya dalam melaksanakan teknik dan kaedah semasa pelaksanaan pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di IPT disebabkan tiada kerangka pengajaran khusus bagi subjek ini. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti keperluan terhadap membangunkan kerangka pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di IPT Malaysia. Rekabentuk kajian ini ialah kajian tinjauan melalui pendekatan kualitatif dengan menemubual tiga tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di IPT Malaysia. Data temu bual ditranskripsi dan dianalisis menggunakan perisian Nvivo 12 serta disusun berdasarkan pembentukan kategori dan tema. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk membangun model pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di IPT Malaysia agar proses pelaksanaan pengajaran ilmu tawjih al-qiraat dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Diharap kajian ini akan menjadi perintis kepada kajian berkaitan isu-isu pengajaran ilmu tawjih al-qiraat di institusi pengajian qiraat Malaysia pada masa akan datang.

Keywords

Model, Pengajaran, Ilmu tawjih al-Qiraat, Institusi pengajian qiraat

How to Cite: M. S. S., Khairatul Akmar Ab Latif, Mohamad Rofian Ismail, & Mardhiah Yahaya. (2024). KEPERLUAN MODEL PENGAJARAN ILMU TAWJIH AL-QIRAAT DI INSTITUSI PENGAJIAN QIRAAT MALAYSIA: SATU SOROTAN AWAL. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 19–37.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.74>

1.0 PENGENALAN

Perbincangan isu-isu yang berlaku dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT secara khusus tidak banyak dibincangkan melalui kajian lalu. Meskipun demikian, kajian yang dilaksanakan oleh Mujahid Ahmad Lutfi *et al* (2022) menjelaskan terdapat kelemahan yang berlaku pada aspek pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT. Dapatan kajiannya menjelaskan tenaga pengajar di IPT tidak mampu mengaplikasikan kaedah dan teknik pengajaran yang baik semasa pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat *al-Riwayah* dan *al-Dirayah* di IPT sewajarnya berlaku dalam keadaan sebaiknya kerana IPT merupakan tempat yang menyediakan program pendidikan qiraat melalui pensijilan Ijazah Sarjana Muda al-Quran al-Qiraat. Graduan yang bakal dilahirkan dalam opsyen program qiraat ini memiliki kelayakan untuk diserap sebagai tenaga pengajar qiraat umumnya dan tenaga pengajar *tawjih al-qiraat* khususnya pada masa akan datang.

Ab Halim Tamuri (2010) menjelaskan perhatian dan tumpuan pelajar terhadap proses pengajaran tenaga pengajar adalah bukan disebabkan faktor minat terhadap subjek tersebut sahaja, bahkan faktor amalan pengajaran seperti penggunaan kaedah dan teknik yang menarik, menjadi peranan utama dalam menjayakan proses pengajaran. Keupayaan seseorang tenaga pengajar qiraat dalam mempraktikkan pengajaran yang terancang akan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Melalui kaedah yang terancang akan memudahkan penerimaan ilmu qiraat umumnya dan ilmu *tawjih al-qiraat* khususnya serta mempengaruhi pencapaian akademik mereka sebagaimana dinyatakan dalam beberapa sorotan kajian lepas (Zainora Daud 2012, 2015, 2019; Muhammad Hafiz Salleh, Abd




Muhaimin Ahmad, Norazman Alias 2011; Sabri Mohamad 2020; Abdul Jalal bin Abdul Manaf 2015; Sumayyah Ali @ Awang, Abdul Hafiz Abdullah 2016; Abd Rahman Ghani Abd Ghani 2018).

Justeru, tenaga pengajar ilmu qiraat perlu mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran ilmu qiraat agar pembelajaran ilmu qiraat menjadi lebih menarik dan berkesan. Pelaksanaan pengajaran qiraat khususnya ilmu *tawjih al-qiraat* juga perlu disusun mengikut kerangka pengajaran lengkap agar signifikan pengajaran qiraat dapat dicapai mengikut objektif yang ditetapkan dan bersifat dinamik dalam proses memperkasa pendidikan islamik di era moden.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji telah membuat sorotan terhadap bertulis seperti artikel, jurnal, kertas kerja seminar dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa kajian yang dilakukan bersifat terkini dan masih belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain secara khusus dalam bab yang dikaji oleh pengkaji. Sorotan kajian lalu dapat dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana rajah 1.1 berikut.



Rajah 1 Pembahagian Sorotan Literatur

2.1 Literatur Berkaitan Pembangunan Model

Kajian pembangunan model, modul, elemen atau kerangka yang menggunakan kaedah penyelidikan rekabentuk dan pembangunan banyak diaplikasikan dalam pelbagai bidang ilmu. Antaranya dalam bidang kekeluargaan, kesihatan awam, teknologi maklumat, kejuruteraan dan pendidikan. Kajian bidang pendidikan yang menggunakan kaedah rekabentuk dan pembangunan dapat diperhatikan melalui kajian berikut.

Kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Norul Huda Bakar (2023) yang bertajuk *Model Pembangunan Hidup Beragama Bagi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia* bertujuan untuk membina model pembangunan hidup beragama bagi mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia supaya lebih menghayati dan mengamalkan hidup beragama terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0 ini. Kajian ini menggunakan pendekatan Rekabentuk dan Pembangunan yang melibatkan tiga fasa kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolegunaan. Dapatan kajian fasa satu mendapati bahawa fenomena tidak menghayati hidup beragama berlaku dalam kalangan mahasiswa IPTI dan kesemua pakar bersetuju dibina sebuah model bagi membangunkan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa IPTI. Dapatan kajian fasa dua telah menghasilkan prototaip model pembangunan hidup beragama bagi mahasiswa IPTI yang mengandungi dimensi akidah, ibadah dan akhlak serta lima komponen utama model iaitu tasawwur, perasaan, amalan, mujahadah dan riyadah. Dapatan kajian fasa tiga mendapati bahawa kesemua pakar dalam kajian ini bersetuju dengan keseluruhan elemen model pembangunan hidup beragama yang telah dihasilkan.



Seterusnya Kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Nabilah Huda Zaim (2022) yang bertajuk *Pembangunan Model Pencegahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak Dalam Keluarga Islam (PPSKK)*. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan yang melalui tiga proses utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan. Dapatan fasa satu menjelaskan model PPSKK perlu dibangunkan. Fasa rekabentuk dan pembangunan model menggunakan kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) melibatkan 12 orang pakar menunjukkan 5 konstruk utama model PPSKK iaitu penekanan tanggungjawab perwalian, pembinaan jati diri, penjagaan limitasi hubungan, pemeliharaan aurat dan penerapan biah solehah serta 21 domain lainnya perlu diserapkan dalam model PPSKK. Seterusnya dapatan fasa tiga model PPSKK yang dilaksanakan melalui proses penilaian kebolehgunaan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (Modified Nominal Group Technic) menjelaskan kesemua konstruk dan domain tersebut turut dipersetujui oleh 7 orang pakar NGT.

Seterusnya, kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Muhammad Nasir bin Mohamad Salleh (2021) yang bertajuk *Pembangunan Model Pengajaran Tarannum al-Quran untuk Institusi Pengajian Tinggi*. Kajiannya dilaksanakan panduan pengajaran alternatif bagi penarah tarannum IPT. Fasa satu dijalankan menggunakan reka bentuk kajian campuran iaitu penerokaan berurutan bagi meninjau keperluan model. Fasa dua pula dijalankan dengan menggunakan kaedah *fuzzy delphi metode* bagi membangunkan model yang melibatkan seramai 12 pakar. Fasa tiga iaitu penilaian model dilaksanakan melalui kaedah NGT yang melibat seramai 20 orang pelaksana. Dapatan fasa satu menjelaskan terdapat keperluan dalam membangunkan model pengajaran tarannum IPT. Manakala dapatan akhir fasa dua telah menghasilkan 12 komponen utama model, 49 elemen komponen utama dan 199 kandungan elemen komponen utama. Dapatan fasa tiga menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap kesesuaian model pengajaran tarannum IPT.

Selain itu, kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Mardhiah Yahaya (2021) yang bertajuk *Pembangunan Model Pengajaran Tahfiz Dengan ICT*. Kajiannya melibatkan tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan dan terakhir fasa penilaian kebolehgunaan. Kajian ini bermula daripada pencarian maklumat melalui kajian literatur sehingga terbentuknya model yang membentuk komponen utama iaitu 1) pemilihan kaedah, media dan bahan bantu mengajar, 2) penggunaan media dan bahan bantu mengajar, 3) penilaian, 4) penglibatan murid, 5) objektif pengajaran dan 6) analisis murid. Dapatan kajiannya telah menghasil model yang menjadi satu kerangka dan garis panduan untuk melatih, menerapkan dan meningkatkan elemen teknologi maklumat dan komunikasi para guru yang terlibat di dalam pengajaran hafazan al-Quran atau pun tasmik.

2.2 Literatur Berkaitan Ilmu Tawjih al-Qiraat

Perbincangan konsep dan disiplin ilmu *tawjih al-qiraat* yang dibincangkan berdasarkan kajian lalu dapat dikategorikan kepada lima aspek, iaitu aspek kepentingan, aspek metode, aspek hukum, aspek pentafsiran, aspek ilmu *rasm*.

Perbincangan berkaitan aspek kepentingan ilmu *tawjih al-qiraat* sebagaimana dibahaskan dalam artikel yang bertajuk *Metod dan tawjih al-qiraat Imam Ibn Khalawayh dalam Kitab Al-Hujjah* oleh Muhammad Hakim Abdul Malek et. al (2022). Kajian berbentuk kualitatif ini menjelaskan ilmu *tawjih al-qiraat* berfungsi sebagai hujah kepelbagaian variasi qiraat yang bertepatan dengan kaedah-kaedah bahasa Arab. Ilmu ini diumpamakan sebagai jambatan bagi menerokai ilmu tafsir kerana pentafsiran al-Quran tidak dapat difahami dengan baik tanpa penguasaan ilmu qiraat *al-riwayah* dan *al-dirayah*.

Berikutnya kajian peringkat sarjana oleh Atraf Husein El-Hakim (2021) yang bertajuk *Ihtijaj (Argumentasi Qiraat) Surah Ali Imran dalam Kitab Tafsir Jami' al-Bayan fi Takwil al-Quran*. Kajiannya menjelaskan ilmu *ihtijaj* termasuk perbincangan aspek qiraat *al-dirayah* yang berfungsi dalam mendatangkan rasional kepada suatu qiraat sama ada pada aspek bahasa, pentafsiran, ataupun riwayat. Walaubagaimanapun kajian terdahulu lebih tertumpu aspek qiraat *al-riwayah* berbanding perbincangan qiraat *al-dirayah* khususnya ilmu *ihtijaj*.



Kajian peringkat ijazah doktor falsafah yang bertajuk *Qiraat Mutawatir dan Kesannya kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan dan Pendedahan dalam Kalangan Ilmuwan Islam di Terengganu* oleh Mohd A'Tarahim (2016). Dapatan kajiannya membincangkan secara umum berkaitan *tawjih* dari sudut perkembangannya dan pandangan-pandangan para ulama berkaitan ilmu ini. Beliau juga menjelaskan ilmu *tawjih al-qirāat* berfungsi dalam mempertahankan disiplin ilmu qiraat daripada tuduhan orientalis barat. Oleh itu disiplin ilmu ini perlu dikaji, difahami dan dianalisis secara mendalam.

Seterusnya perbincangan pada aspek metode penulisan kitab pula boleh diperhatikan sebagaimana dibincangkan dalam artikel yang bertajuk *Metodologi Penulisan Sheikh Muhammad Salim Muhaysin Dalam Kitab Al-Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-I'rab Wa Al-Tafsir* oleh Nur Izzah Syahira et. al (2023). Dapatan kajiannya menjelaskan keperluan mengkaji dan mentelaah metodologi penulisan *tawjih* wajar dilakukan agar dapat membantu para penuntut memahami *manhaj* penulisan kitab-kitab *tawjih al-qiraat* dengan lebih jelas.

Artikel yang ditulis oleh Muhammad Syafee Salihin et. al (2022) yang bertajuk *Pendekatan Tawjih al-Qiraat Syekh Ibn Uthaimin berdasarkan Tafsir al-Quran al-Karim li Ibn al-Uthaimin* menjelaskan Syekh Muhammad Soleh Uthaimin merupakan seorang tokoh tafsir yang menerapkan elemen *tawjih al-qirāat* dalam tafsirnya. Hasil kajian mendapati metod *tawjih* yang diaplikasi oleh Syekh Muhammad Soleh Uthaimin adalah *tawjih* qiraat dengan *i'rab* dan *lughah* serta pemilihan qiraat yang dibincangkan adalah berdasarkan qiraat *al-Sab'* dan tidak membahaskan qiraat *shadhdhah*.

Artikel Muhammad Fairuz A. Adi (2020) yang bertajuk *Aplikasi Tawjih al-Qiraat dengan Hadis di Sisi Imam al-Sakhawi dalam Fath al-Qasid fi Syarh al-Qasid* menjelaskan al-Sakhawi menggunakan hadis sebagai salah satu metode *tawjih* bagi mendapatkan pemahaman makna qiraat, mencari asal usul sebutan sesuatu qiraat dalam kalangan orang Arab dan menjelaskan kekeliruan yang timbul dalam hadis yang secara zahirnya kontradik dengan riwayat qiraat.

Berikutnya perbincangan ilmu *tawjih al-qirāat* dan implikasi terhadap hukum pula dapat dilihat sebagaimana artikel Muhammad Zaid Shamshul Kamar et. al (2021) yang bertajuk *Relevansi Qirāat dan Implikasinya Terhadap Hukum Fiqh: Satu Pengenalan*. Dapatan kajiannya menjelaskan para *fuqaha'* sangat memberi penekanan terhadap aspek kepelbagaian perbezaan qiraat dalam menentukan kaedah *istinbat* hukum. Penentuan hukum tersebut bagi memudahkan umat Islam dalam usaha mengikuti syaria Islam seterusnya mendapat keredaan Allah SWT.

Kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Siti Jariah (2020) yang bertajuk *Implikasi Qiraat Ibn Kathir Dan Imam Asim Dalam Pengistinbatan Fiqh Mazhab Al-Syafie di Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam* menjelaskan pengistinbatan *fiqh* mazhab Syafie berdasarkan qiraat yang berbeza. Dapatan kajiannya menunjukkan sebanyak 11 *farsh al-huruf* daripada 14 *farsh al-huruf* pengistinbatan hukum *fiqh* berpaksikan kepada qiraat Ibn Kathir, dua *farsh al-huruf* meraihan qiraat *mutawatirah* selain qiraat Ibn Kathir dan satu *farsh al-huruf* menggabungkan kedua-dua hukum yang terkandung di dalam kedua-dua qiraat tersebut.

Artikel Mohd A'Tarahim Mohd Razali (2017) yang bertajuk *Khilaf Qiraat Mutawatirah: Satu Analisa Pada Ayat Haid Dari Aspek Peranan, Perkaitan Dan Pertalian Pada Hukum Fiqh* telah menjelaskan bahawa perbezaan qiraat memberi impak yang besar dalam mencorakkan hukum *fiqh*. Bacaan qiraat pilihan *fuqaha'* tidaklah menjadi faktor utama mempengaruhi hukum *fiqh* mazhab yang diasaskan oleh mereka bahkan mereka hanya menjadikan *wajh* qiraat itu sebagai *platform* utama dalam menentukan hukum *fiqh* dalam mazhab yang diasaskan mereka. Namun tidak dinafikan juga, bacaan qiraat pilihan *fuqaha'* itu kadang menjadi sebab penentuan hukum bagi mazhab mereka dan kadangkala sebaliknya.



Artikel Mohd Nazir Kadir (2016) yang bertajuk *Analisis Perbezaan Qiraat Dalam Riwayat Hafs Dan Syu'bah Terhadap Ayat-Ayat Hukum* menjelaskan Hafs dan Syu'bah mengambil sanad bacaan daripada imam yang sama dan kesemua *khilaf* perbezaan qiraat antara keduanya adalah diterima secara *mutawatir*. Hasil kajian juga dua daripada 13 ayat yang mempunyai *khilaf* yang menyumbang terhadap aspek pengistinbatan hukum. Beliau juga menjelaskan bahawa ilmu qiraat mempunyai fungsi dan peranan yang besar sebagai sandaran dan rujukan hukum dalam Islam.

Perbincangan *tawjīh al-qirāāt* dan implikasinya terhadap pentafsiran pula boleh dilihat sebagaimana kajian Ismail Abd Halim et. al (2022) yang bertajuk *Perbezaan Etimologi dalam Qiraat al-Quran dan Kesannya kepada Pentafsiran : Kajian Terhadap Perkataan Faazallahumā*. Dapatan kajian beliau menjelaskan perbezaan qiraat al-Quran bukan hanya menyentuh aspek loghat semata-mata, bahkan menyentuh terhadap aspek etimologi bagi suatu perkataan. Aspek etimologi merupakan perkara tunjang bagi suatu perkataan serta mempunyai kebarangkalian yang menyebabkan berlaku perubahan makna pada suatu perkataan.

Kajian Muhammad Syafee Salihin et. al (2022) yang bertajuk *Tawjih Al-Qiraat Berdasarkan Qiraat 'Asyara al-Sughra: Kajian Surah Al-Baqarah Ayat 187-210* menjelaskan terdapat perbezaan qiraat yang memberi kesan kepada makna dan tidak memberi kesan kepada hukum. Dapatan kajian menyatakan perbezaan qiraat tidak merosakkan lafaz dan makna dalam suatu ayat, bahkan ia berfungsi sebagai percambahan ilmu dan perluasan makna (*tansi'ul ma'na*) dalam suatu ayat.

Kajian Izuli Dzulkifli et. al (2016) yang bertajuk *Peranan Qiraat Dalam Pentafsiran Al-Quran* menyatakan ilmu qiraat berperanan dalam pentafsiran al-Quran sehingga pentafsir mengemukakan kepelbagaian qiraat *mutawatirah* dan *shadhdhah* pada kitab tafsir mereka. Melalui kepelbagaian qiraat, pentafsir menghuraikan makna sesebuah ayat serta mengeluarkan hukum berbeza dalam syariat Islam. Peranan qiraat dalam pentafsiran juga membantu untuk menerangkan maksud ayat yang samar atau kurang difahami.

Perbincangan *tawjīh al-qirāāt* dalam aspek ilmu *rasm* pula dapat diperhatikan melalui kajian Muhammad Fadlly et. al (2020) yang bertajuk *Pengenalan Tawjih Rasm 'Uthmani dan Hubungannya dengan Ilmu Tafsir*. Dapatan kajiannya menjelaskan keistimewaan kaedah *rasm* adalah memperluaskan maksud perkataan, menjelaskan perkaitannya dengan sebab nuzul dan menunjukkan kesesuaiannya dengan wajah qiraat yang pelbagai. Antara contoh yang dibincangkan adalah perbezaan *hadhf* dan *ithbāt* huruf *alif* antara kalimah (داخرين) dengan (داخرين).

Kajian Mohammad Ikram Mohd Nor et. al (2017) yang bertajuk *Al-Hazf Dalam Rasm Uthmani: Kesan dalam Pentafsiran* menjelaskan perbezaan qiraat dari sudut *rasm* memiliki makna yang istimewa dan maksud yang lebih meluas bahkan ia menjadi pembuktian bahawa *rasm 'uthmani* itu bersifat *tawqifi* dan bukannya *ijtihad* para sahabat semata-mata. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada setiap muslim untuk terus mencungkil rahsia-rahsia yang terdapat di dalam al-Quran.

2.3 Literatur Berkaitan Pengajaran Qiraat

Kajian Mujahid Ahmad Lutfi et. al (2022) yang bertajuk *Tahap Penguasaan Ilmu Dalam Kalangan Pelajar Ism Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis* menjelaskan terdapat kelemahan yang berlaku pada aspek pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjīh al-qiraat* di IPT. Dapatan kajiannya menjelaskan tenaga pengajar di IPT tidak mampu mengaplikasikan kaedah dan teknik pengajaran yang baik semasa pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjīh al-qiraat* yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan ilmu *tawjīh al-qiraat* dalam kalangan pelajar.

Kajian Muhammad Syafee Salihin Hasan et. al (2021) yang bertajuk *Minat dan Kefahaman Ilmu Tawjih al-Qiraat dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda KUIS* menjelaskan tahap kefahaman pelajar berkaitan ilmu *tawjīh al-qiraat* berada tahap kurang memuaskan. Punca utama kelemahan subjek ini adalah disebabkan kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab. Selain itu, dapatan kajian juga menjelaskan tenaga pengajar berperanan dalam



membantu pelajar bagi meningkat kelemahan ini dengan mempelbagai kaedah dan teknik dalam pengajaran ilmu tawjih al-qiraat.

Kajian Sri Andayani Mahdi Yusuf et. al (2021) yang bertajuk *Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz* menjelaskan majoriti guru mempelbagaikan set induksi bagi subjek maharat al-Quran seperti yang dirancang bagi menarik perhatian murid. Set induksi yang kerap diamalkan adalah membaca doa khusus, membuka buku teks, membincangkan tajuk yang diajar secara ringkas, menggunakan ayat-ayat al-Quran dan memulakan pengajaran dengan membincangkan isu-isu semasa. Walau bagaimanapun, kajian mendapati perkaitan isi pelajaran semasa dengan isi pelajaran lalu kurang dilaksanakan dalam pengajaran bagi subjek ini.

Kajian Ahmad Mujahideen Yusoff et. al (2021) yang bertajuk *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK* mendapati bahawa penguasaan ilmu qiraat dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menyarankan pelaksanaan proses PdP secara teori dan amali sepatutnya ditingkatkan dan ditambahbaik agar tahap penguasaan ilmu qiraat dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Kajian Mohd Izhar Daud et. al (2021) yang bertajuk *Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat Di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong* menjelaskan bahawa tahap penguasaan pelajar TMUA terhadap ilmu qiraat berada pada tahap sederhana. Dapatan kajiannya menjelaskan aspek kaedah PdP ilmu qiraat perlu diberi perhatian dan ditambahbaik agar tahap penguasaan ilmu qiraat pelajar TMUA dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi dan baik

Kajian Azri Kifli (2020) yang berjudul *Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar dalam Bidang Qiraat* menjelaskan bahawa faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran tenaga pengajar berpengaruh terhadap tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat pada tahap sederhana tinggi. Justeru, faktor-faktor ini perlu diberikan perhatian oleh tenaga pengajar KKQ kerana tahap literasi pelajar yang tinggi dalam bidang qiraat menunjukkan pelajar tahu, faham dan dapat menguasai pembelajaran sekaligus menjadi aset dalam menentukan kejayaan sesuatu pengajaran ataupun program yang dilaksanakan sama ada pada peringkat sekolah mahupun kementerian, lebih-lebih lagi Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

Kajian Zainora Daud (2019) yang bertajuk *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM* menyatakan persepsi pelajar terhadap pengajian qiraat berada tahap baik dengan minat dan kesedaran yang tinggi bahawa pengajian qiraat juga memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam. Namun masih perlu penambahbaikan dari aspek bahan-bahan bantu mengajar yang lebih menarik dan efektif selari dengan perkembangan multimedia terkini agar mampu memartabatkan pendidikan qiraat di peringkat lebih tinggi.

Kajian Abd Rahman Ghani Abd Ghani (2018) yang bertajuk *Cabaran Guru Tahfiz Mendepani Pendidikan Abad ke 21* menjelaskan kaedah pendidikan pada abad ini sudah jauh berbeza dengan zaman dahulu yang memerlukan penambahbaikan yang bersesuaian. Pelaksanaan pengajaran yang terancang melalui kaedah dan langkah pengajaran yang sesuai perlu dimaksimumkan. Penggunaan BBM berteknologi digital seperti laptop, LCD projektor, pen al-Quran, HP dan sebagainya diperlukan semasa proses pelaksanaan pengajaran. Selain itu, tenaga pengajar juga perlu mempunyai suatu objektif jelas semasa memulakan pengajaran dan mereka perlu memastikan objektif tersebut tercapai di akhir pengajaran. Mereka juga perlu menguasai isi kandungan matapelajaran yang mereka ajarkan dengan baik.

2.4 Rumusan Sorotan Kajian Lepas

Berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji membuat rumusan terhadap jurang-jurang yang memerlukan kepada kajian lanjutan. Jurang-jurang tersebut adalah seperti berikut.



2.4.1 Jurang kajian pembangunan model

Berdasarkan sorotan literature yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji merumuskan kajian reka bentuk dan pembangunan model dilaksanakan bertujuan memberikan garis panduan kepada pengguna dalam kalangan mahasiswa dan tenaga pengajar bagi mengatasi sesuatu isu atau masalah yang dihadapi. Pelbagai kaedah dan teknik yang telah digunakan oleh pengkaji lalu bagi mengumpul dan menganalisis data berdasarkan kesesuaian konteks kajian. Walaubagaimanapun pembangunan model dalam konteks pengajaran ilmu qiraat umumnya atau *tawjih al-qiraat* khususnya tidak diberikan tumpuan dan tidak dibincangkan oleh mana-mana model pengajaran sebelum ini. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia bagi mengisi kelompangan kajian dalam aspek kajian pembangunan model.

2.4.2 Jurang kajian ilmu *tawjih al-qiraat*

Melalui sorotan kajian terdahulu yang dibincangkan sebelum ini, pengkaji mendapati kajian terdahulu hanya tertumpu terhadap konsep dan disiplin ilmu *tawjih al-qiraat*. Perbahasan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam pengajaran tidak dibincangkan dengan meluas. Oleh itu, kajian ni dilaksanakan bagi mengisi kelompangan pada aspek PdP ilmu *tawjih al-qiraat* yang tidak diberi tumpuan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

2.4.3 Jurang kajian pengajaran qiraat

Susunan silibus pengajaran ilmu qiraat di IPT dapat dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah berkaitan perbahasan teori berdasarkan syarahan *matn al-shatibiyyah* dan *al-durrah al-mudiyyah* sama ada bab *usul al-qiraat* dan *farsh al-huruf*. Peringkat kedua pula adalah berkaitan tatacara bacaan atau praktikal bacaan qiraat. Manakala peringkat ketiga iaitu pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang membincangkan implikasi setiap perbezaan qiraat sama ada pada aspek bahasa Arab dan makna. Berdasarkan sorotan kajian lalu perbincangan isu PdP ilmu *tawjih al-qiraat* secara khusus tidak banyak dibincangkan dan kurang diberi penekanan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Secara umumnya pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* masih lagi diperingkat pengenalan kerana tidak banyak IPT yang menawarkan secara formal serta situasi yang berbeza. Oleh itu kajian pembangunan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* ini dilaksanakan bagi menyelesaikan isu-isu pengajaran qiraat, khususnya pelaksanaan pengajaran kursus ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengenalpasti keperluan pembangunan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Objektif kajian ini adalah menjawab persoalan kajian soalan berikut:

“Adakah terdapat keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia?”

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian analisis keperluan model ini telah dilaksanakan melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama empat orang tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia berpandukan model analisis keperluan McArdle (1998). Selain itu, dua pemerhatian turut dilakukan bagi menyokong dapatan temubual yang telah dijalankan.



4.1 Sampel Kajian

Proses temu bual telah melibatkan seramai empat orang informan dalam kalangan tenaga pengajar kursus ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Pengkaji telah mengindentifikasikan nama sebenar setiap informan dengan memberi nama samaran seperti 'informan 1', 'informan 2', 'informan 3', 'informan 4'. Jadual 1.1 berikut menunjukkan ringkasan maklumat latar belakang profil informan dalam melaksanakan proses temu bual.

Jadual 1.1 Profil Informan

Informan	Umur	Institusi	Pencapaian Pendidikan	Pengalaman kerja
Informan 1	40-50 tahun	UNISZA	Kedoktoran	>10 Tahun
Informan 2	40-50 tahun	USIM	Kedoktoran	>10 Tahun
Informan 3	40-50 tahun	UNISHAM	Kedoktoran	>10 Tahun
Informan 4	30-40 tahun	UIS	Sarjana	>10 Tahun

Sumber: Protokol Temubual (2022)

Jadual 1.1 menjelaskan majoriti informan fasa analisis keperluan terdiri dari tenaga pakar yang mempunyai ijazah kedoktoran dan mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam pengajaran qiraat di IPT Malaysia. Informan pertama berlatar belakang pendidikan peringkat diploma di Mahaad Tahfiz Negeri Terengganu selama 4 tahun. Kemudian beliau meneruskan pengajian di Maahad Qiraat Shoubra, Mesir selama 3 tahun. Setelah tamat ijazah pertama, beliau menyambung pengajian peringkat master di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang qiraat di Jabatan Pengajian Quran dan Sunnah. Kemudian melanjutkan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah PhD Universiti Malaya (UM) di Jabatan Quran Sunnah berkaitan ilmu Qiraat dan kesannya terhadap hukum fiqh. Informan pertama merupakan Ketua Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah dan terlibat sebagai tenaga pengajar *tawjih al-qiraat* di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) selama beberapa semester.

Informan kedua kajian pula berasal dari negeri Terengganu. Beliau mengikuti pengajian peringkat diploma di Maahad Tahfiz Quran Negeri Terengganu pada tahun 1986-1989. Kemudian menyambung pengajian di Fakulti Pengajian Quran dan Pengajian Islam di Universiti Islam Madinah pada tahun 1990-1994. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1997-2000 dan menyambung pengajian peringkat ijazah doktor falsafah PhD di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2008-2012. Kepakaran beliau dalam bidang ulum quran mendapat pengiktirafan daripada JAKIM, sehingga beliau dilantik salah seorang hakim bagi majlis pertandingan hafazan dan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, beliau juga terlibat sebagai penulis artikel berkaitan ulum quran di akhbar-akhbar popular tanah air. Beliau merupakan tenaga pengajar ilmu qiraat dan ilmu *tawjih al-qiraat* di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Berikutnya informan ketiga pula berasal dari Kedah Darul Aman. Beliau memulakan pengajian peringkat diploma di Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Qiraat Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan di Masjid Muhammadi pada tahun 1997-2001. Kemudian beliau meneruskan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di Maahad Qiraat Shoubra pada tahun 2002-2004. Pada tahun 2011 beliau meneruskan pengajian peringkat Master dalam pengajian Al-Quran di Kolej Universiti Insaniah dan menamatkan pengajian master pada tahun 2015. Seterusnya pada tahun yang sama juga beliau memulakan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah PhD di Kuliah Syariah dan telah menamatkan pengajian PhD pada tahun 2021. Beliau telah berkhidmat selama 16 tahun sebagai pensyarah di Universiti Islam Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan memegang jawatan terkini sebagai Ketua Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Sunnah Kulliyah Usuluddin Dan Sains Al-Quran. Beliau terlibat secara langsung dalam pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* dalam di UniShams beberapa semester terkini.

Seterusnya informan keempat kajian pula berasal dari Semenyih, Selangor Darul Ehsan. Beliau memulakan pengajian peringkat diploma di Darul Quran JAKIM pada tahun 2000 dan seterusnya menyambung pengajian peringkat ijazah



sarjana muda di Maahad Qiraat Shoubra pada tahun 2001-2004. Kemudian beliau menyambung pengajian di Kuliah Al-Quran lil Qiraat di Universiti al-Azhar cawangan Tanta pada tahun 2004-2008. Beliau meneruskan pengajian peringkat master di Fakulti Pengajian Islam UKM pada tahun 2011-2014 dan kini sedang meneruskan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah dalam bidang *tawjih al-qiraat* di Universiti Islam Selangor (UIS). Beliau pernah memegang jawatan sebagai ketua program ijazah sarjana muda tahfiz al-Quran di UIS dan kini terlibat secara langsung sebagai tenaga pengajar kursus ilmu *tawjih al-qiraat*.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan berkaitan demografi, kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini merupakan pakar yang layak dan sesuai dalam memberi pandangan terhadap keperluan pembangunan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berdasarkan kepada pengalaman dan pengkhususan yang dimiliki.


5.0 DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya temu bual bersama empat informan adalah bagi menjawab persoalan kajian “Adakah terdapat keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia?. Bagi menjawab persoalan utama berkaitan keperluan pembangunan model ini, pengkaji menetapkan tiga soalan yang perlu diajukan kepada informan seperti berikut:

- Apakah terdapat kerangka pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang lengkap di IPT tuan?
- Bagaimanakah tahap penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan Pelajar di IPT tuan?
- Apakah pandangan tuan jika diwujudkan kerangka pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang lengkap di IPT Malaysia?

5.1 Kewujudan Kerangka Pengajaran Lengkap

Temu bual bersama empat orang informan dimulakan berkaitan bagaimanakah tenaga pengajar melaksanakan proses pengajaran *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Dapatan menunjukkan tenaga pengajar berpandukan maklumat kursus ilmu *tawjih al-qiraat* sahaja dalam melaksanakan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Perkara ini berlaku kerana tiada kerangka khusus yang menjadi rujukan dan panduan dalam pengajaran *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Maka, proses pelaksanaan pengajaran dilaksanakan adalah berdasarkan pengetahuan tenaga pengajar itu sendiri. Rajah 1.2 berikut adalah pendapat informan berkaitan kewujudan kerangka pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT.



Rajah 1.2 Kewujudan Kerangka Pengajaran Ilmu *Tawjih al-Qiraat* di IPT Malaysia
Sumber: Data Kajian Keperluan Model (2022)



Kesemua informan menyatakan bahawa tidak terdapat kerangka pengajaran khusus yang menjadi panduan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Mereka hanya berpandukan proforma (maklumat kursus) sahaja dalam melaksanakan proses pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Ini berdasarkan maklumat informan seperti berikut;

Dan di Unisza ni memang pengajaran berdasarkan proforma dan dci yang telah dibina, kita follow sebagaimana yang ada dalam dci, cuma mungkin berbezala cara penyampaian content tu sebab setiap ipt mempunyai hadaf ataupun output tersendiri yang diinginkan dan didedahkan kepada pelajar. (TB/PK1/12.6.22/ M11-15)

“Kerangka pengajaran saya nampak di IPT Malaysia kita ni, belum ada lagi yang lengkap setakat yang saya tahu. Maksud lengkap ni apa yang saya faham daripada soalan ni adalah mesti daripada awal sampai habis, itu makna lengkap ataupun proses pengajarannya”. (TB/PK2/19.7.22/ M11-15)


“Kami berpandukan proforma yang telah disediakan, kerangka khusus tu memang takda”. (TB/PK3/20.7.22/ M16-20)

“Untuk proses pengajaran ilmu tawjih ni, setakat yang saya mengajar sejak 2016 ni, hanya berpandukan kepada proforma yang disediakan oleh pensyarah yang terdahulu daripada saya, kemudian saya mengikut apa yang ada dalam kandungan proforma tu. Jadi untuk kata satu kerangka yang centralize (pendidikan terpusat) di Malaysia ni tidak ada lagi”. (TB/PK4/3.8.22/ M11-15)

Kesimpulanya, pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia adalah berpandukan kepada maklumat kursus yang terdapat dalam struktur program ijazah sarjana muda al-Quran dan al-Qiraat. Maklumat kursus adalah panduan umum adalah pengajaran bagi satu subjek. Maklumat kursus ini menjelaskan secara ringkas hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kandungan pengajaran sepanjang 14 minggu, jumlah kredit, kaedah pengajaran dan kaedah penilaian subjek serta diakhiri dengan rujukan. Walaubagaimanapun, maklumat kursus hanyalah panduan ringkas dan tidak membincangkan proses pelaksanaan pengajaran secara tersusun bermula daripada proses sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran secara menyeluruh. Oleh itu, dengan terhasilnya sebuah model atau kerangka pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia akan membantu tenaga pengajar dalam melaksanakan pengajaran ilmu ini dengan lebih baik dan tersusun.

5.2 Tahap Penguasaan Ilmu *Tawjih al-Qiraat* dalam Kalangan Pelajar di IPT

Dapatan kajian berkaitan tahap kefahaman ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar di IPT menunjukkan tahap sederhana dan berada pada peringkat permulaan. Rajah 1.3 berikut menjelaskan berkaitan tahap kefahaman ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia.



Rajah 1.3 Tahap Kefahaman Ilmu *tawjih al-Qiraat* di IPT Malaysia
Sumber: Data Kajian Keperluan Model (2022)

5.2.1 Tahap Sederhana

Informan pertama menjelaskan bahawa beliau kurang berkeyakinan terhadap tahap penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar. Ini berdasarkan transkripsi temu bual dengan informan pertama seperti kenyataannya:

“Secara daqiq (mendalam) tu ana tidak pasti laa” (TB/PK1/12.6.22/ M16-20)

Beliau menjelaskan lagi:

“budak kita ni bukan sampai tahap tahu, bukan sampai tahap pengenalan subjek lughah, kalau nak sampai tahap ke lughah yang lebih mendalam tu saya tidak pasti menguasai atau tidak.” (TB/PK1/12.6.22/ M16-20)

Walaupun bagaimanapun informan pertama menjelaskan secara umumnya bahawa pelajar mampu memahami subjek ilmu *tawjih al-qiraat* yang dipelajari. Ini berdasarkan kenyataan berikut:

“berdasarkan apa yang kita niatkan dan alhamdulillah ana rasa memang pelajar memahami dan dapat mengikuti kursus ini serta dapat melihat tasawwur kepentingan ilmu tawjih dan ilmu Qiraat” (TB/PK1/12.6.22/ M21-23)

Makluman informan kedua dan keempat menyatakan tahap penguasaan pelajar dalam ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap sederhana. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“Tahap penguasaan dalam kalangan pelajar adalah tak seberapa sebenarnya.” (TB/PK2/19.7.22/ M16-20)

“Jadi tahap penguasaannya tu kita kena lihat secara menyeluruh dalam pengajaran ni. Tapi apabila kita rujuk kepada pengajian yang berasaskan proforma tu, kita boleh bagi penguasaan pada belajar tu tahap sederhana.” (TB/PK4/3.8.22/ M16-20)



5.2.2 Tahap permulaan

Informan kedua menjelaskan bahawa tahap kefahaman pelajar yang mempelajari ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap permulaan. Ini berdasarkan pernyataan berikut;

“tawjih tu masih lagi peringkat permulaan untuk mengetahui apakah tawjih setiap bacaan qiraat, boleh dikatakan tahap permulaan sederhana ataupun tahap permulaan la.” (TB/PK2/19.7.22/ M16-20)

Manakala informan ketiga pula menyatakan bahawa ilmu *tawjih al-qiraat* merupakan ilmu yang baharu dan kurang diketahui secara mendalam oleh pelajar-pelajar yang menceburi bidang qiraat. Ini berdasarkan pernyataan berikut:

“Boleh dikatakan ilmu ni masih baru di tempat kita, bahkan tak ramai yang tahu ada ilmu disebut sebagai ilmu tawjih al-qiraat ni. Hmm, hanya segelintir sahaja.” (TB/PK3/20.7.22/ M16-20)

Berdasarkan pandangan informan berkaitan tahap penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar IPT Malaysia, pengkaji merumuskan bahawa penguasaan pelajar terhadap ilmu *tawjih al-qiraat* adalah berada pada tahap sederhana dan peringkat permulaan. Tahap kefahaman sederhana ini berpunca daripada faktor kelemahan bahasa Arab pelajar dan faktor kelemahan penyampaian tenaga pengajar semasa proses pengajaran sebagaimana dijelaskan Mujahid Lutfi (2022). Maka, dengan terhasilnya kerangka pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat*, ia diharap dapat dijadikan panduan kepada tenaga pengajar dalam melaksanakan proses pengajaran dengan lebih baik sekaligus dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia.

5.3 Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Ilmu Tawjih al-qiraat

Berdasarkan kepada persoalan kewujudan kerangka pengajaran dan tahap penguasaan pelajar yang dibincangkan sebelum ini, jelas menunjukkan terdapat keperluan membangunkan model pengajaran bagi membantu proses pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Oleh itu, bagi mengukuhkan dapatan keperluan pembangunan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia, pengkaji mengajukan soalan apakah tahap keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Maklum balas informan terhadap persoalan ini amat penting bagi memastikan samada model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia perlu diwujudkan atau tidak. Berikut adalah tema-tema berdasarkan maklumbalas daripada informan kajian.

5.3.1 Penambahbaikan pengajaran

Informan pertama menyatakan bahawa beliau menyokong untuk mewujudkan kerangka pengajaran atau model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* sebagai usaha menambah kesempurnaan dan kebaikan dalam pengajaran ilmu ini di IPT Malaysia. Ini berdasarkan pernyataannya:

“Pandangan saya kalau nak buat ke arah kebaikan tu tiada masalah, ke arah kesempurnaan dan pemantapan tu baguslah.” (TB/PK1/12.6.22/ M21-25)

5.3.2 Dikembangkan seiring pengajaran qiraat al-riwayah

Seterusnya informan kedua menjelaskan beliau menyokong usaha untuk menyebar luas ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia agar ilmu ini dapat dikembangkan seiring dengan pengajaran qiraat *al-riwayah*. Kenyataan ini berdasarkan petikan berikut:



“Saya amat menyokong penuh sebenarnya ilmu tawjih dikembangkan di tempat kita ni. Walaupun begitu, dalam mengembangkan ilmu tawjih qiraat, ianya perlu seiring dengan ilmu qiraat tatbiqi. Di samping mereka ni boleh baca qiraat, mereka juga dapat mendalami apakah perbezaan-perbezaan ataupun makna perbezaan bacaan” (TB/PK2/19.7.22/ M21-25)

Informan ketiga juga menyatakan persetujuan dibangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT dan dalam masa yang sama berhadapan ilmu *tawjih al-qiraat* dapat disebar luas kepada seluruh lapisan masyarakat. Ini berdasarkan petikan berikut:

“Untuk diwujudkan kerangka lengkap pengajaran ni, ia sangat baik la. Jadi sangat baik dan sangat penting kalau dapat wujudkan satu model supaya ilmu ni dapat disebar luas kepada anak-anak kita dan untuk generasi yang akan datang.” (TB/PK3/20.7.22/ M21-25)

5.3.3 Penyampaian ilmu *tawjih al-qiraat* secara tersusun


Informan keempat juga menyatakan persetujuan bagi mewujudkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia agar ilmu ini dapat disampaikan secara tersusun dan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sebaiknya berdasarkan tahap kefahaman pelajar. Ini berdasarkan kenyataan beliau:

“Untuk mewujudkan satu kerangka pengajaran ilmu tawjih, model tuu, saya sangat setuju. Apabila kita bercakap tentang model ni, mesti melalui satu penyelidikan, pra penyelidikan, pertengahan penyelidikan dan selepas penyelidikan serta disahkan oleh pakar-pakar yang terlibat dalam ilmu ni, saya sangat setuju untuk membekalkan pelajar ilmu ni secara tersusun dan lengkap sesuai dengan tahap kefahaman mereka.” (TB/PK4/3.8.22/ M21-25)

Dapatan temu bual bersama empat informan menunjukkan mereka bersetuju membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* sebagai usaha penambahbaikan proses pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Informan juga menyatakan sokongan diwujudkan model pengajaran ini agar ilmu *tawjih al-qiraat* dapat dikembangkan seiring dengan ilmu qiraat *al-riwayah*. Selain itu, dapatan juga menjelaskan informan bersetuju membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* agar menjadi panduan pengajaran kepada tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu ini secara tersusun berdasarkan tahap kefahaman pelajar.

5.4 Perbincangan Keperluan Model

Secara umumnya, dapatan temubual dan pemerhatian telah memperkukuhkan objektif kajian bagi mendapatkan pandangan pakar terhadap keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Dapatan kajian telah berjaya memecahkan kekusaran berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Hasilnya sebanyak empat faktor utama yang dinyatakan informan telah menyokong terhadap keperluan membangunkan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia. Rajah 1.4 berikut menjelaskan faktor-faktor utama keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia.



Rajah 1.4 Faktor Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Ilmu *Tawjih al-Qiraat* di IPT Malaysia

Rajah 1.4 menjelaskan terdapat empat faktor utama yang menjadi keperluan membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia sebagaimana dijelaskan oleh informan. Dapatan temubual mendapati kaedah pengajaran tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* kurang efektif meskipun diperakui kehebatan dan keilmuan mereka dalam bidang qiraat. Dapatan ini selari dengan pemerhatian pengajaran yang menunjukkan kaedah pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* adalah berdasarkan acuan kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar itu sendiri. Hal ini mungkin disebabkan ketiadaan satu kerangka gambaran pengajaran yang lengkap disediakan sebagai panduan pengajaran bagi kursus ini. Maka tidak hairanlah maklumat informan menyatakan mereka hanya berpandukan proforma (maklumat kursus) pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang dibekalkan pihak IPT dan dijadikan panduan utama dalam pelaksanaan pengajaran.

Situasi ini telah mengukuhkan dapatan pemerhatian bahawa pengajaran dilaksanakan berdasarkan kaedah tradisional dan tenaga pengajar kurang berkemampuan dalam memupuk kreativiti semasa pengajaran. Dapatan pemerhatian juga menunjukkan strategi berpusatkan guru mendominasi semasa proses pelaksanaan pengajaran di mana pelajar hanya menumpukan perhatian mereka melalui penyampaian tenaga pengajar berdasarkan buku dan nota-nota yang sedia ada. Punca utama permasalahan berlaku adalah disebabkan kebanyakan tenaga pengajar tidak mempunyai ikhtisas perguruan sekaligus tidak mampu mempraktikkan pedagogi pengajaran yang baik semasa proses pengajaran. Dapatan ini selari sebagaimana dijelaskan oleh Abdul Jalal bin Abdul Manaf (2015) sebanyak 71.6% tenaga pengajar qiraat dan Zainora Daub (2015) sebanyak 97.8% tenaga pengajar qiraat di IPT tidak mempunyai kelayakan ikhtisas dalam perguruan yang menyebabkan mereka lebih gemar menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran qiraat.

Ironinya, situasi yang berlaku menyalahi dapatan yang dikemukakan oleh Ee (1997) yang berpandangan pengajaran merupakan proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai yang mana perkara-perkara tersebut memerlukan kepada perancangan topik, objektif, standard kandungan dan standard pembelajaran. Tanpa suatu kerangka pengajaran yang lengkap, proses pengajaran tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar.



Maka, dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia, tenaga pengajar perlu dibekalkan dengan garis panduan pengajaran lengkap bagi membantu mereka melaksanakan pengajaran ilmu ini dengan lebih berkesan sekaligus objektif pembelajaran dapat dicapai dengan sempurna. Hal ini kerana amalan pengajaran tenaga pengajar yang berkesan menjadi salah satu faktor kejayaan dalam melahirkan pelajar cemerlang sebagaimana dinyatakan Ab Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman (2010).

Dapatan ketiga menjelaskan bahawa ilmu *tawjih al-qiraat* merupakan ilmu yang baharu dan tidak dikenali secara mendalam oleh kebanyakan pelajar yang menceburi bidang qiraat. Berdasarkan dapatan temubual dan analisis terhadap silibus bagi kursus ini, pengkaji mendapati silibus penawaran bagi kursus *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia hanya tertumpu kepada surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah. Penawaran kursus ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia lebih bersifat kepada pengenalan dan asas sahaja. Meskipun demikian, penguasaan ilmu *tawjih al-qiraat* dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana yang memerlukan kepada penambahbaikan secara berterusan.

Cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar bagi kursus ilmu *tawjih al-qiraat* ialah kurangnya tahap penguasaan bahasa Arab dan seterusnya membawa kepada kurangnya kefahaman terhadap kursus tersebut. Dapatan ini disokong oleh kajian Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa (2006) yang menjelaskan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu amat lemah dan kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu. Selain itu, amalan pengajaran tenaga pengajar juga menyumbang terhadap kelemahan ini sebagaimana dinyatakan Mujahid Ahmad Lutfi et al. (2022) aspek pelaksanaan pengajaran, teknik dan kaedah pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap sederhana yang mencatat min (3.52) sahaja. Oleh itu, tenaga pengajar perlu bersedia untuk mempelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai agar tahap kelemahan ini dapat diperbaiki ke tahap yang lebih baik dan seterusnya ke tahap cemerlang.

Dapatan keempat faktor membangunkan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia adalah berdasarkan keperluan mengembangkan dan menyebarkan luas pengajaran qiraat *al-dirayah* seiring dengan pengajaran qiraat *al-riwayah*. Hal ini kerana pengajaran qiraat di IPT Malaysia lebih memfokuskan aspek kurikulum *al-riwayah* berbanding aspek *al-dirayah*. Dapatan ini selari dengan pandangan Ikmal Zaidi (2015) yang menyatakan pengajaran kurikulum qiraat di IPT Malaysia hanya tertumpu kepada hafalan *mutun* dan huraian serta ilmu praktikal bacaan qiraat yang tidak diluaskan kepada aspek ilmu qiraat *al-dirayah*. Dalam pada itu, kurikulum *al-dirayah* (*tawjih al-qiraat*) juga tidak ditawarkan dalam program pengajian diploma di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran di seluruh Malaysia (Zainora Daud 2015).

Keperluan model pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia berikutnya adalah berdasarkan faktor pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia sewajarnya ia dilaksanakan secara tersusun dan teratur agar mampu meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap ilmu ini. Melalui garis panduan pengajaran yang tersusun dan teratur, tenaga pengajar mampu melakukan persediaan sebelum pengajaran, merancang kaedah dan teknik semasa proses pelaksanaan pengajaran serta melakukan penilaian selepas proses pengajaran. Dengan kata lain, melalui set perancangan yang tersusun dan teratur ia mampu menarik minat dan perhatian pelajar terhadap pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Hafiz Salleh, Abd Muhaimin Ahmad, Norazman Alias (2011) dan Sabri Mohamad (2012). Oleh itu, kerangka pengajaran tersusun dan teratur berkaitan kursus ini diperlukan sebagai usaha memperkasa pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* yang sedia ada di IPT Malaysia.

6.0 KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan model ini telah dilaksanakan melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama empat orang tenaga pengajar ilmu *tawjih al-qiraat* di IPT Malaysia berpandukan model analisis keperluan McArdle (1998). Selain itu, dua pemerhatian turut dilakukan bagi menyokong dapatan temubual yang telah dijalankan. Secara keseluruhannya, dapatan temubual dan pemerhatian telah memperkukuhkan objektif kajian terhadap keperluan membangunkan MPTS. Sebanyak lima faktor utama yang menyumbang terhadap keperluan membangunkan MPTS



iaitu ketiadaan kerangka pengajaran lengkap bagi *tawjih al-qiraat* di IPT, kaedah pengajaran tradisional, penguasaan pelajar terhadap ilmu *tawjih al-qiraat* berada pada tahap sederhana, pengajaran qiraat *al-dirayah* perlu dikembangkan seiring pengajaran qiraat *al-riwayah* dan keperluan pelaksanaan pengajaran ilmu *tawjih al-qiraat* secara tersusun.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini,

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan penghargaan kepada pihak Universiti Islam Selangor (UIS) yang telah memberi ruang kepada penulis bagi menyempurnakan kajian ini. Semoga segala bantuan dan sumbangan berbentuk tenaga, material dan moral yang membantu saya menyempurnakan kajian ini dinilai oleh Allah SWT sebagai amal soleh dan mendapat kebahagiaan dalam menempuhi perjalanan sebuah kehidupan.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab Halim Tamuri. (2007b). Islamic Education Teachers' Perceptions of The Teaching of Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education*, 36(3): 371-386.
- Abd al-Fattah Al-Qadi. (1955). *Al-Budur al-Zahirah Fi al-Qirāāt al-'Asyra al-Mutawatirah Min Tariq al-Shatibiyyah Wa al-Durrah*. Kaherah: Maktabah 'Isa Al-Bab Al-Halabi.
- Abdul 'Ali al-Mas'ul. (2007). *Mu'jam Mustalahat 'Ilmi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abdul 'Alim. (1981). *Al-Muwajjih al-Fanni li al-Mudarris al-Lughah al-Arabiyya*. Cairo: Dar Al-Ma'arif.
- Abdul Jalal Abdul Manaf. (2015). Pengetahuan Pedagogi Am Ilmu Qiraat dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia. *Seminar Serantau Pengajian Qiraat (SISPEQ) - UKM*.
- Abdul Muqsinh. (2018). *Pembangunan Model ENi Berasaskan Aktiviti Inkuiri Bagi Program Latihan Kemahiran Kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia*. Tesis Phd Universiti Malaysia.
- Abdul Rahman Abdul Ghani. (2016). Cara Guru Tahfiz Mendepani Pendidikan Abad ke 21. *Seminar Tahfiz kali ke-3 Selangor*.
- Abdul Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi dari Sekolah ke Institusi Pendidikan Tinggi*. Sintok, Kedah: Penerbit UUM.
- Abdul Sukor Shaari et. al. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceedings of the ICERS 1(1)*, 599-608.
- Ahmad Junaidi. (2018). *Faktor Penguasaan Qirāāt al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca Dan Menghafal Al-Quran (Kkq) Di Negeri Perak*. Tesis Master UPSI 2018.



- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbit UKM: ISBN: 9789674120511
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Ee Ah Meng. (1997). *Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng. (1999). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Ikmal Zaidi Hashim. (2015). Keperluan Aplikasi al-Dirayah Dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*, 69.
- Ikmal Zaidi Hashim. (2016). Konsep al-Riwāyah dan al-Dirāyah Dalam Pengajian Ilmu al-Qirāat. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 69-88.
- Izuli Dzulkifli. (2016). Peranan Qiraat Dalam Pentafsiran al-Quran. *Jurnal Hadhari Volume 8 (1)*, 103 - 111.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardhiah Yayaha. (2021). *Pembangunan Model Pengajaran Tahfiz dengan TMK*. Tesis PHD UPSI.
- Mohd A'Tarahim Mohd Razali. (2016). Perbandingan Qira'at Mutawatirah 'Farsh Al-Huruf' Dan Perkaitannya Dalam Perbezaan Hukum Fikah Berkaitan Ihram. *Jurnal Hadhari UKM*.
- Mohd Nasir Ibrahim. (2006). Penggunaan Isu Semasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57260/>.
- Mohd Nazir Kadir. (2016). *Analisis Perbezaan Qiraat Dalam Riwayat Hafis Dan Syu'bah Terhadap Ayat-Ayat Hukum*. Tesis Master UTM.
- Mohd Ridhuan Bin Mohd Jamil. (2020). *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam Selangor DE: Qaisar Prestige Resources.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Minda Intelek Agency. Cetakan Pertama.
- Muhamad Nasir. (2020). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Taranum al-Quran: Satu Kajian Penerokaan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil.8 Isu 3. 27-38.
- Muhammad Fadlly, Wan Rosmani dan Wahidah Mat Said (2020). (n.d.). Pengenalan Tawjīh Rasm 'Uthmānī dan Hubungannya dengan Ilmu Tafsir. *Jurnal Al-Sirat*, 1(19), 58-66.
- Muhammad Fairuz A. Adi. (2020). Aplikasi *Tawjih al-Qiraat* Dengan Hadis Di Sisi Imam Al-Sakhawi dalam Fath al-Qasid Fi Syarh al-Qasid. *Jurnal Qiraat KUIS*.
- Mujahid Ahmad Lutfi, Rohana Zakaria, Muhammad Syafee Salihin (2022). *Tahap Penguasaan Ilmu Dalam Kalangan Pelajar Ism Al-Quran Dan Al-Qiraat Kuis*. E-CIB Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat siri-3 (2022). Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) KUIS.
- Muhammad Zaid Shamshul Kamar (2021). (n.d.). Relevansi Qirāat dan Implikasinya Terhadap Hukum Fiqh : Satu Pengenalan. *Jurnal Qiraat*, e-issn: 2636-9521.



Nur Izzah Syahira Muhammad, Muhammad Syafee Salihin, Rohana Zakaria (2023). *Metodologi Penulisan Sheikh Muhammad Salim Muhaisin Dalam Kitab al-Mustanir Fi Takhrij Al-Qiraat Min Haythu Al-Lughah Wa Al-I'rab Wa Al-Tafsir*. Jurnal Qiraat Fakulti Pengajian Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) 2023, VOL 5, Bil 2, Halaman 54-64

Sabri Mohamad. (2016). Pengaruh Ilmu Qiraat kepada Pengajian Islam. *Jurnal Turath UKM*.

Zainora Daud. (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat yang diaplikasi di dalam Kelas Pelajar Kuis: Satu Tinjauan Awal. *International Conference On Research In Islamic and Arabic Language Education*. Mecca, Saudi Arabia